

PH mahu Anwar jadi PM penggal kedua

Kuala Lumpur: Pakatan Harapan (PH) berharap Datuk Seri Anwar Ibrahim terus menjadi Perdana Menteri bagi penggal kedua selepas Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Ketua Setiausaha PH, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia berdasarkan Anwar

dilihat masih mampu memimpin negara dan masih sihat.

“Sudah tentu kami meletakkan rencana bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim harus memimpin penggal kedua.

“Sekarang beliau (Anwar) memimpin satu penggal, insya-Allah sekarang dah ada kejelasan

(arah tuju) saya fikir, untuk memasuki penggal kedua. Itulah impian kita,” katanya.

Sementara itu ketika mengulas mengenai kesihatan Anwar, beliau berkata Perdana Menteri dalam keadaan sihat.

“Dari segi kesihatan, beliau jauh lebih baik daripada saya.

Kecuali kecederaan bahu dia sedikit dan pinggang.

“Yang lain *perfect* dan *tip top* kesihatannya,” katanya menerusi *podcast*, Keluar Sekejap yang dikendalikan oleh bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dan bekas Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan.